

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 18/12/2017

Majlis Pecah Tanah Naik Taraf Hospital Tawau

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

Terima kasih kepada Saudara/Saudari pengacara majlis.

YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan;

YBhg. Tan Sri Ahmad Zaki Ansore bin Mohd Yusof,
Ketua Pengarah,
Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), JPM;

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Kerja Raya;

YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan;

YBhg. Datuk Mohd Zuki bin Ali,

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan,
Jabatan Perdana Menteri;

YBhg. Datuk Nor Rizan bin Mohd Thani,
Setiausaha Persekutuan Sabah;

YBhg. Datuk Dr. Christina Rundi,
Pengarah Kesihatan Negeri,
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah;

YBrs. Dr. Norlimah Arsad,
Pengarah,
Hospital Tawau;

Yang Berhormat,
Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah;

Ketua-Ketua Pengarah Jabatan Pesekutuan Malaysia;

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan di Negeri Sabah;

Ahli-ahli Lembaga Pelawat Hospital, Badan-badan bukan Kerajaan, pegawai-pegawai dari kementerian, jabatan dan daerah, tuan-tuan dan puan-puan, saudara-saudari yang saya hormati sekalian,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini sempena Majlis Pecah Tanah dan Naik Taraf Hospital Tawau.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dan Hospital Tawau kerana menjemput saya ke majlis ini dan juga kepada semua pihak yang hadir bagi menjayakan program kita pada pagi ini.

Saudara dan saudari sekalian,

3. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap keperluan rakyat untuk mendapatkan kemudahan kesihatan yang terbaik. Sehubungan itu, melihat kepada keperluan meningkatkan kualiti kemudahan kesihatan di Tawau, pihak Kerajaan telah bersetuju melaksanakan Projek Naik Taraf Hospital Tawau.

NEGARA BERADA DI KEDUDUKAN KUKUH

4. Hakikatnya penaiktarafan Hospital Tawau dan pembinaan infrastruktur-infrasturktur lain demi sejahteraan rakyat seperti Pan-Borneo Highway, Projek Perumahan Awam 1Malaysia (PPA1M), MRT dan banyak lagi, tidak akan terlaksana sekiranya negara kita tidak berada di kedudukan kukuh. Kerajaan dibawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, telah berjaya meletakkan negara di landasan yang betul dan ekonomi negara bertambah kukuh setiap suku tahun. Kadar pertumbuhan KDNK negara ialah 5.6% pada suku pertama tahun ini, 5.8% pada suku kedua dan terkini, untuk suku ketiga, sebanyak 6.2%.

5. Bank Dunia telah pun mengkaji semula unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk tahun 2017 kepada kadar 5.2% berbanding 4.9% sebelum ini. Kementerian Kewangan juga telah mengemaskini kadar pertumbuhan ekonomi Negara daripada unjuran asal diantara 4.3% hingga 4.8%, kepada 5.2% hingga 5.7%. (*expected 4%*)

FASILITI HOSPITAL

6. Berbalik kepada Projek Naik Taraf Hospital Tawau ini, ia akan dilaksanakan di dalam kawasan Hospital Tawau sedia ada seluas 16.84 ekar. Tapak yang diperuntukkan bagi projek ini adalah seluas 1.9 ekar.
7. Kapasiti katil hospital akan ditambah daripada 401 buah kepada 555 katil iaitu penambahan sebanyak 154 katil. Ini adalah untuk menampung keperluan pesakit yang semakin meningkat dan juga berdasarkan jumlah penduduk Bahagian Tawau yang dianggarkan seramai 500,000 pada masa kini.
8. Antara kemudahan-kemudahan lain yang akan disediakan adalah:
 - Enam (6) dewan pembedahan;
 - 38 bilik klinik pakar yang baharu;
 - Jabatan kecemasan & trauma serta jabatan radiologi yang dinaik taraf dan dilengkapi kemudahan serta perkhidmatan yang lebih canggih dan terkini;
 - Ruangan pejabat dan perkhidmatan untuk perkhidmatan sokongan perubatan seperti 'drive-thru pharmacy', 'Total Parental Nutrition' (TPN) & 'Cytotoxic Drug Reconstitution';
 - Bahagian latihan dan pembelajaran yang akan menempatkan auditorium serta bilik seminar yang selesa;
 - Bahagian pentadbiran dan fasiliti untuk kemudahan kakitangan hospital;
 - Kemudahan orang awam seperti lobi utama, kafeteria, kedai serbaneka, surau, kawasan tempat letak kereta, tandas awam, mesin atm dan lain-lain; dan
 - Pelbagai lagi kemudahan yang disediakan dalam usaha Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan rawatan kepada pesakit di daerah ini.

MANFAAT/OUTCOME PROJEK

9. Hasil daripada penaiktarafan Hospital Tawau ini, kapasiti pelayanan kesihatan dan kualiti perkhidmatan kepada pesakit akan meningkat, manakala tempoh menunggu tarikh pembedahan elektif dan prosedur endoskopi dapat dipendekkan.
10. Di samping itu, dengan penambahan perkhidmatan baharu seperti 'Total Parental Nutrition' (TPN) & 'Cytotoxic Drug Reconstitution' (CDR), impak perbelanjaan kepada pihak hospital dapat dikurangkan, di mana sebelum ini hospital terpaksa menanggung kos penghantaran pesakit ke Kota Kinabalu bagi mendapatkan perkhidmatan berkenaan.
11. Selain daripada itu, fasiliti kesihatan yang memenuhi piawaian MOH dan MSQH khususnya dari segi kawalan jangkitan dan keselesaan serta privasi pesakit semasa mendapatkan rawatan dapat disediakan.
12. Peningkatan juga akan dicapai bagi perkhidmatan rawatan harian (*day care services*) dan kepuasan pelanggan (>90%) dengan mengurangkan waktu menunggu giliran pembedahan/ prosedur rawatan.

HARAPAN

13. Saya amat berharap Projek Naik Taraf Hospital Tawau dapat dilaksanakan dengan teliti dan efisien. Ini hanya akan tercapai sekiranya setiap pihak memainkan peranan masing-masing sama ada di peringkat agensi seperti Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kerja Raya, mahupun di peringkat kontraktor.

PENUTUP

14. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dengan penganjuran majlis pada pagi ini. Saya mendoakan yang terbaik kepada semua warga Hospital Tawau dan

berharap agar anda sekalian akan terus berkhidmat dengan gigih dan cemerlang demi menabur bakti kepada rakyat dan negara. Ingatlah bahawa setiap projek penambahbaikan yang dibangunkan tidak akan membawa erti sekiranya sumber yang terpenting sekali iaitu saudara-saudari warga Hospital Tawau sekalian tidak menggunakan fasiliti yang disediakan secara efisien dan optimum.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my//newsroom/content/speech/19203/Majlis-Pecah-Tanah-Naik-Taraf-Hospital-Tawau>